

MAJLIS BERBUKA PUASA WARGA INSMAT BERSAMA PANGLIMA PENDIDIKAN DAN LATIHAN UDARA



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/3532-penyerahan-cek-kepada-anggota-insmat

INSMAT, 28 Mei 18 – Majlis Berbuka Puasa Warga Institut Latihan Pengurusan Materiel TUDM Kinrara bersama Panglima Pendidikan dan Latihan Udara, Lt Jen Dato' Kamalruzaman bin Mohd Othman TUDM telah berlangsung di Arena Dato' Amir INSMAT TUDM Kinrara. Untuk menyerikan lagi majlis ini, pihak INSMAT telah menjemput penghuni Rumah Amal Limpahan Kasih, Puchong Selangor yang terdiri daripada anak-anak yatim seramai 20 orang dan 3 pengiring.

Di dalam majlis tersebut, Panglima Pendidikan dan Latihan Udara telah menyampaikan sumbangan dan cenderahati sebagai kenang-kenangan kepada penghuni Rumah Amal berkenaan serta majlis turut dimeriahkan dengan persembahan nasyid dari anak-anak yatim Rumah Amal Limpahan Kasih.



